

SOALAN NO. 486**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

SOALAN :

YB Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan kes penipuan peguam ke atas para pelanggan, jenis-jenis kes dan kes tatatertib yang dirujuk dan ditolak oleh Majlis Peguam sepanjang tempoh 5 tahun lalu.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 47 Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166] telah memperuntukkan bahawa Majlis Peguam bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal Bar Malaysia dan menjalankan fungsinya di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976.

Sehubungan dengan itu, isu seperti bilangan kes penipuan peguam ke atas para pelanggan, jenis-jenis kes dan kes tatatertib yang dirujuk dan ditolak oleh Majlis Peguam sepanjang tempoh 5 tahun lalu adalah dalam pengetahuan pihak Majlis Peguam Malaysia.

Sekian, terima kasih.